

Malam Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KUKUM



Tarikh 2 September 2003 yang lalu menjadi satu sejarah kepada Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) apabila IPTA yang baru setahun lebih ditubuhkan itu telah mengadakan satu majlis untuk merai dan mengiktiraf staf yang telah menabur keringat dalam membangunkan KUKUM tanpa mengira masa dan penat lelah. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KUKUM adalah majlis yang amat dinantikan oleh semua staf yang telah banyak menabur jasa dan bakti dalam membangunkan KUKUM.

Majlis ini diadakan di Kompleks Dewan Warisan Kangar, Perlis. Majlis ini diserikan lagi dengan keberangkatan DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Syed Sirajuddin Jamalullail, Pemangku Raja Perlis dan DYTMM Tuanku Lailatul Shahreen Akashah, Raja Puan Muda Perlis yang telah berkenan mencemar duli berangkat ke majlis tersebut. Keberangkatan tiba baginda berdua telah disambut oleh Y. Bhg. Rektor KUKUM serta isteri dan pegawai-pegawai utama KUKUM yang lain. Turut hadir ke majlis yang julung-julung kali diadakan ini ialah Y.A.B Menteri Besar Perlis yang disayangi iaitu Dato' Seri Shahidan Kassim dan isteri, Pembesar-pembesar negeri, ketua-ketua jabatan negeri dan semua warga KUKUM.

Pada majlis yang penuh gemilang ini, seramai 83 orang kakitangan dan pelajar KUKUM telah menerima anugerah. Terdapat beberapa katogeri anugerah telah diadakan selain Anugerah Perkhidmatan Cemerlang untuk meraikan jasa kakitangan yang telah banyak berjasa iaitu Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Khas Staf, Anugerah Tunas Harapan dan Anugerah Khas Pelajar serta Anugerah Tokoh Luar kepada dua individu yang telah banyak membantu KUKUM dalam bidang-bidang tertentu. Anugerah-anugerah tersebut telah disampaikan oleh DYMM Tuanku Pemangku Raja, DYTMM Raja Puan Muda dan Rektor Sendiri.

Anugerah utama iaitu Anugerah Perkhidmatan Cemerlang telah diberikan kepada 9 orang kakitangan iaitu Prof. Madya Dr. Ali Yeon Md Shakaff (Timbalan Rektor (Akademik), En. Ku Halim Ku Ariffin (Pendaftar), Tn. Hj. Ayob Ismail (Bendahari), Pn. Hj. Foyziah Ahmad Nasuruddin (Ketua Pustakawan), En. Abdul Rahman Mohd. Saad (Pengarah Pusat Kejuruteraan), En. Abdul Aziz Mohd Najimuddin (Pegawai Tadbir), Pn. Hafizah Md. Yusof (Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) dan En. Razali Alias (Pengawal Keselamatan).

Malam gemilang ini turut diserikan lagi dengan persembahan dari artis baru iaitu artis Akademi Fantasia iaitu Khai dan Nija dan tidak ketinggalan juga persembahan dari kakitangan dan pelajar KUKUM serta kumpulan kebudayaan yang dibawa khas dari Universiti Sains Malaysia. Pengiktirafan yang diberikan diharap akan menjadi pendorong kepada semua staf untuk meningkatkan lagi kualiti kerja dalam usaha membangunkan sebuah Universiti.

Disediakan Oleh : Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah